

Hujan lebat hura-harakan ibu kota

KUALA LUMPUR: Seorang wanita berusia lingkungan 30-an cedera di kaki kanan selepas keretanya dihempap pokok ketika hujan lebat dua jam di susur keluar Jalan Tun Razak ke Bulatan Kampung Pandan di sini, petang semalam.

Dalam kejadian jam 5 petang itu, sebatang pokok tumbang dan menghempap lima kenderaan, termasuk kereta dipandu wanita itu.

Kejadian itu menyebabkan laluan ke persimpangan Bulatan Kampung Pandan dan Cheras ke Sungai Besi dari Kuala Lumpur City Centre (KLCC) ditutup sementara kepada semua kenderaan.

Jurucakap Polis Trafik Jalan Bandar berkata, pihaknya menerima panggilan jam 5 petang dan sepasukan anggota dikejarkan ke lokasi kejadian dengan dibantu pasukan bomba.

Tinjauan Harian Metro di Jalan Cochrane, mendapati banjir kilat turut mengakibatkan hampir 50 keluarga yang tinggal berhampiran jalan berkenaan cemas apabila kediaman mereka dinaiki air sedalam 0.6 meter.

Jalan Bangsar dan Jalan Travers turut ditenggelami air yang melimpah ke tengah jalan sehingga menyukarkan pergerakan kenderaan ke bandar raya dan Bangsar, selain menyebabkan beberapa kenderaan rosak.



SESAK...kenderaan terperangkap apabila air naik di Jalan Travers.

TOLONG...anggota penyelamat memotong dahan pokok yang menghempap lima kenderaan di susur keluar Jalan Tun Razak ke Bulatan Kampung Pandan.



AIR NAIK ...sebuah lori tidak dapat bergerak di Jalan Chan Sow Lin.